

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (NASIONAL)

TARIKH: 8 JANUARI 2020

MUKA SURAT: 10

10

NASIONAL



Zuraida pada sidang akhbar di KPKT, Putrajaya semalam.

FOTO: SHARFUDDIN ABDUL RAHIM

Bina kawasan khas merokok

KPKT peruntuk RM1 juta kepada 155 PBT di seluruh Malaysia

Oleh KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN

PUTRAJAYA

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan memperuntukkan sebanyak RM1 juta kepada 155 pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara bagi membina kawasan khas merokok di tempat awam.

Menterinya, Zuraida Kamarudin berkata, sebanyak RM5,000 akan diperuntukkan kepada PBT yang mengemukakan permohonan kepada KPKT selepas mengenal pasti lokasi pembinaannya.

"Konsep pembinaan kawasan khas merokok untuk PBT adalah sama seperti dua unit perintis yang

dibina di tapak projek Senario Ampang dan Santai@ Ampang oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) pada 20 Disember lalu.

"Kita menyokong Kementerian Kesihatan bagi inisiatif larangan merokok tetapi kita turut prihatin terhadap aduan kesukaran perokok merokok di tempat awam.

"Inisiatif ini juga bagi menjawab pertikaian pihak tertentu yang mempersoalkan keengganan kerajaan menyediakan kawasan khas merokok seperti yang dilaksanakan di negara maju lain," katanya pada sidang akhbar di KPKT di sini semalam.

Menurutnya, satu garis panduan permohonan pembinaan kawasan khas merokok telah dirangka kementerian untuk pemilik restoran dan peniaga kedai makan.

Namun, katanya, peniaga perlu menggunakan modal sendiri dan meletakkan papan tanda Kawasan Merokok dan lokasi tersebut perlu sekurang-kurangnya tiga meter dari meja makan terdekat tanpa

penyediaan makanan atau minuman.

"Kementerian turut mencadangkan kawasan khas merokok dilengkapi struktur berbumbung dan berkanopi. Jika tempat itu melibatkan pembinaan struktur kekal, pemilik premis perlu mendapatkan kelulusan daripada PBT," katanya.

Terdahulu, Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye menegaskan, kedai makan atau restoran tidak dibenarkan sama sekali menyediakan ruangan khas merokok kepada pelanggan di premis mereka.

Menurutnya, inisiatif penyediaan ruangan khas merokok hanya dibenarkan di luar lingkungan tiga meter dari premis kedai makan dan restoran.

Mulai 1 Januari lalu, Kementerian Kesihatan menguatkuasakan larangan merokok di semua kedai makan, gerai makanan, medan selera, *food truck* dan restoran atas kapal serta kereta api di seluruh Malaysia.